

29 JANUARI 2018

Peniaga runcit aktif edar syabu ditangkap

Peniaga runcit aktif edar syabu ditangkap

MIRI – Seorang peniaga kedai yang aktif mengedar dadah ditahan di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Kayan, Long Lama di sini petang kelmarin.


Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik negeri, Superintendan Sahar Abd. Latif berkata, suspek berusia 37 tahun itu ditangkap pada pukul 3 petang hasil maklumat risikan dan operasi yang dijalankan polis minggu lalu.

“Polis merampas pelbagai dadah jenis syabu dengan berat sekitar 107.10 gram.

“Barang lain yang dirampas termasuk rantai emas dan loket yang dianggarkan bernilai RM10,000.

“Nilai pasaran syabu berkenaan dianggarkan lebih RM25,000 dan dipercayai untuk pasaran sekitar Long Lama, Miri,” katanya ketika dihubungi semalam.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, suspek dipercayai sudah bergiat aktif dalam pengedaran dadah secara runcit sejak



SUSPEK yang ditahan dipercayai mengedar syabu.

lebih setahun lalu.

Katanya, suspek yang sudah berkahwin tinggal bersama isteri dan anaknya di rumah itu.

“Ujian air kencing juga menunjukkan suspek positif methamphetamine,” ujarnya.

Jelasnya, kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



INILAH syabu seberat 10710 gram yang ditemui polis di rumah suspek di Kampung Kayan, Miri kelmarin.